



MEMORANDUM
BAHAGIAN PEMBANGUNAN
AKADEMIK
ICYM / ADD / 2023(01)

INDUSTRY BASED Higher Learning Institution

Kepada : Bahagian Pembangunan Akademik (ADD)

Bahagian Pembangunan Perniagaan (BDD)

Pejabat Pendaftar

Bahagian Kewangan

Bahagian Hal Ehwal Pelajar

Bahagian Pemasaran

Salinan : Naib Presiden Akademik

Tarikh : 09 Januari 2023

Perkara : **PERLAKSANAAN PENALTI & BAYARAN BAHAGIAN
PEMBANGUNAN AKADEMIK (ADD)**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Dimaklumkan bahawa Bahagian Pembangunan Akademik (ADD) telah menetapkan beberapa prosedur dan peraturan bagi tambah gugur subjek, semakan gred dan Peperiksaan Khas bagi Kursus *Homegrown* ICYM. Justeru itu, pihak ADD telah mendapatkan kelulusan daripada Pengurusan Kolej untuk mengenakan penalti sekiranya pelajar tidak mengikuti prosedur dan peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak ADD.

Perkara-perkara tersebut adalah bertujuan untuk:-

1. Memastikan pelajar bertanggungjawab sepenuhnya untuk mendaftar kursus yang diambil pada setiap semester secara online melalui eKIT Student Portal sebelum sesi pengajian bermula.
2. Memastikan pelajar mendaftar mengikut Struktur Program Pengajian akademik yang telah ditetapkan oleh Sekolah.
3. Memastikan pelajar sentiasa mengikut arahan dan menepati tarikh-tarikh penting yang telah ditetapkan di dalam Kalender Akademik.

Berikut adalah jenis dan pelaksanaan penalti yang akan dilaksanakan:-

BIL	PERKARA	PROSEDUR	PENALTI/ BAYARAN
1	Pra Pendaftaran Subjek & Penilaian Pensyarah	Pelajar mendaftar secara atas talian pada minggu ke-12 hingga minggu ke-13 pada sesi semasa berlangsung	RM 30.00/ Subjek
2	Tambah/ gugur subjek	• Pelajar menyemak dan membuat tambah/ gugur subjek pada minggu per-1 hingga minggu ke-2 • Penalti akan dikenakan sekiranya pelajar membuat tambah/ gugur subjek pada minggu ke-3 hingga minggu ke-10	RM 35.00/ Subjek
		• Penalti berganda akan dikenakan sekiranya pelajar membuat tambah/ gugur subjek pada minggu ke-11 hingga minggu ke-14	RM 75.00/ Subjek
3	Semakan gred	• Semakan Gred dipertimbangkan sekiranya pelajar tidak berpuas hati/ ragu dengan markah yang diberikan oleh pensyarah. • Tempoh permohonan keputusan peperiksaan disahkan oleh Mesyuarat Lembaga Akademik sehingga hari terakhir minggu kedua semester berikutnya	RM 25.00/ Subjek
4	Peperiksaan Khas <i>Homegrown</i> ICYM	• Pelajar perlu membuat bayaran penalti sekiranya gagal mengemukakan surat MC dari klinik kesihatan kerajaan atau Hospital kerajaan.	RM 150.00/ Subjek

KOLEJ YAYASAN MELAKA

Pelajar hendaklah membuat pembayaran penuh di bahagian kewangan dengan mengikut prosedur seperti berikut:-

1. Pelajar mengisi dan melengkapkan borang penalti di ADD (Bilik 217) – Boleh berhubung dengan Puan Mastura & Pn Shaira.
2. Pelajar menjelaskan bayaran penalti di Bahagian Kewangan
3. Pelajar harus menunjukkan resit pembayaran untuk tindakan lanjut ADD - Boleh berhubung dengan Puan Mastura.

Justeru, pelajar dikehendaki untuk menyemak dan mencetak slip pendaftaran kursus yang terkini setiap kali selepas pendaftaran dan pembaharuan/perubahan dalam pendaftaran kursus. Sebarang implikasi berkaitan pendaftaran dan penambahan/pengguguran kursus yang tidak mengikut peraturan dan tempoh yang ditetapkan adalah tanggungjawab pelajar sendiri.

Segala perhatian dan tindakan lanjut tuan/puan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar



SAHBAN BIN HJ MD SMAIL

Timbalan Naib Presiden Akademik